



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **“WANITA BANGKIT@KPWKM GALAKKAN WANITA MENJADI PENYUMBANG KEPADA EKONOMI NEGARA”**

**LUNDU, 11 Feb** – YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) hari ini merasmikan kursus bimbingan perniagaan bagi program MyKasih Kapital yang merupakan sebuah inisiatif di bawah **Program Wanita Bangkit@KWPKM** yang disertai oleh 250 peserta wanita dalam membantu mereka yang memerlukan terutamanya yang hilang pendapatan, pencari nafkah utama atau ibu tunggal.

Kursus bimbingan ini adalah persediaan asas bagi golongan untuk mempersiapkan diri untuk mereka menceburi bidang keusahawanan. Antara bidang yang boleh diceburi bagi memulakan perniagaan seperti e-dagang, dropship, perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan di Kementerian Keusahawanan, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Peserta MyKasih Kapital akan dinilai, dipantau dan akan mengikuti kursus-kursus bersesuaian bagi mempersiapkan diri dalam menceburi bidang perniagaan.

Objektif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui inisiatif MyKasih Kapital adalah untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasaran, meningkatkan taraf hidup mereka yang memerlukan bantuan segera kewangan melalui bantuan MyKasih Kapital.

Pendekatan ini adalah untuk mengoptimumkan potensi individu berdasarkan kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya. Dengan menjalani kursus dan bimbingan dapat memberikan para peserta keyakinan serta dapat menempuhi cabaran dalam perniagaan.

Golongan wanita berjaya dibantu untuk mendapat peluang menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan/keusahawanan di dalam sektor informal dan juga tawaran pekerjaan dalam sektor formal.

Disamping itu program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM telah membimbing dan membangunkan **seramai 15,620** wanita melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat.

“Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi. Pihak NGO dan syarikat serta orang perseorangan adalah amat dialu-alukan untuk melaksanakan program-program bersesuaian untuk manfaat kumpulan sasar khususnya wanita. Diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas khususnya wanita dapat dibantu dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara” ujar YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri semasa merasmikan Kursus Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM di Miri hari.

\*\*\*

**Disediakan oleh:**

**Yayasan Kebajikan Negara**

Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya.

03-8323 2437/2420